

**Gerakan Pulau Pinang Sokong Mah Sebagai Calon PRK Teluk Intan**  
**Bernama**  
**May 9, 2014**

GEORGE TOWN, 9 Mei (Bernama) -- Parti Gerakan Pulau Pinang menyokong supaya Presiden Gerakan Datuk Mah Siew Keong dipilih sebagai calon bagi pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Teluk Intan.

Pengerusi Gerakan Pulau Pinang Teng Chang Yeow berkata Jawatankuasa Perhubungan Gerakan menyokong penuh Mah dicalonkan kerana pengalaman beliau yang pernah berkhidmat di kawasan berkenaan selama dua penggal.

"Mah adalah calon yang paling layak untuk dipilih di Teluk Intan dan kami menyokong penuh pencalonan beliau," katanya kepada pemberita di sini Jumaat.

Beliau berkata Gerakan Pulau Pinang akan menubuhkan satu pasukan khas dengan seramai 80 petugas untuk membantu jentera pilihan raya di Teluk Intan.

PRK itu diadakan berikutan kematian penyandanginya daripada DAP, Seah Leong Peng, akibat kanser, 1 Mei lepas dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 19 Mei sebagai hari penamaan calon manakala 31 Mei hari pengundian.

Bagaimanapun Teng berkata beliau akan menghormati keputusan calon yang akan ditentukan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mengenai PRK Parlimen Bukit Gelugor, Teng yang juga Pengerusi Barisan Nasional negeri, berkata beliau akan bermesyuarat dengan Naib Presiden MCA Datin Paduka Chew Mei Fun hari ini.

"Gerakan akan menyokong penuh calon Barisan Nasional di Bukit Gelugor tetapi keputusan calon terpulang kepada MCA dan saya masih menunggu maklum balas daripada mereka," katanya.

Terdahulu, Chew dalam sidang media berasingan berkata sebagai sebuah parti politik, MCA sentiasa bersedia untuk menghadapi segala kemungkinan.

Mengulas laporan akhbar Cina mengenai BN tidak akan bertanding di PRK Bukit Gelugor, Chew berkata itu hanya spekulasi.

Beliau turut menyeru semua pihak supaya bersabar dan pihaknya akan membuat pengumuman apabila tiba masanya.

Kerusi Bukit Gelugor kosong berikutan kematian penyandanginya Karpal Singh daripada DAP, akibat nahas jalan raya dan SPR menetapkan 12 Mei sebagai hari pencalonan manakala 25 Mei hari mengundi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037017>